

Rithauddeen berikrar jaya DEB

MENTERI Perdagangan dan Perindustrian Tengku Ahmad Rithauddeen hari ini berikrar melaksanakan segala projek yang telah ditetapkan oleh Menteri sebelumnya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di kementerian itu.

Satu perkara yang penting kepada negara ialah Dasar Ekonomi Baru yang beliau harap dapat menjunjung dan melaksanakan, jelasnya kepada pemberita di sini selepas memulakan tugasnya di kementerian baru, pagi ini.

Tengku Rithauddeen menambah beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir untuk berbincang mengenal berbagai pertubuhan dan projek kementerian itu yang telah dimulakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ketika beliau menjadi Men-

KUALA LUMPUR, Khamis

teri Perdagangan dan Perindustrian. Menteri baru itu berkata beliau akan memerlukan beberapa waktu untuk menyesuaikan diri dengan perjalanan kementerian itu.

Sebagai permulaan, Tengku Rithauddeen dan Timbalannya yang baru Datuk Shahrir Abdul Samad akan melawat ke semua bahagian kementerian itu untuk melihat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin timbul.

Sebelum itu beliau dan Datuk Shahrir disambut meriah oleh kakitangan kementerian dan diberi taklimat mengenai kementerian itu oleh seorang lagi timbalannya, Datuk Lew Sip Hon dan ketua-ketua jabatan.

Tengku Rithauddeen menekankan pentingnya ditubuhkan perusahaan kecil dan sederhana (sebuah projek kesayangan Datuk Seri Dr. Mahathir) yang ada kaitan dan menokok-tambah kepada perusahaan besar-besaran.

Kementeriannya, jelasnya, akan meninjau soal bagaimana hendak menubuhkan industri-industri berkenaan selain dari lain-lain aspek penting penyelarasan industri-industri itu.

Ditanya sama ada beliau akan mengetuai rombongan galakan perdagangan dan pelaburan, Tengku Rithauddeen berkata, "kita akan tunggu dan lihat."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia